

'Tamak punca Melayu gagal'

Rasuah bukan jalan pintas untuk kaya, raih kuasa politik: Dr Mahathir

Oleh Misiah Taib

KUALA LUMPUR: Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, berkata sikap tamak dan suka mencari jalan pintas untuk cepat kaya menjadi punca Bumiputera gagal, bukan saja dalam perniagaan, malah dalam aspek lain termasuk politik.

Dalam perniagaan kata beliau, ramai yang percaya, mereka tidak untung jika tidak menipu manakala dalam politik, ramai yang percaya ada jalan pintas, misalnya menerusi rasuah untuk dipilih memegang jawatan.

"Akibatnya, mereka terpaksa membayar harga lebih mahal termasuk kehilangan segala-galanya," katanya dalam ucapan pada seminar *Success Mindset Transforming Impossible To Reality* di sini, semalam.

Dr Mahathir berkata, jika mahu berjaya, seseorang harus berdisiplin, gigih, sanggup menghadapi apa saja halangan dan rintangan, tekun, sabar, bekerja kuat serta bersedia mendalami ilmu pengetahuan dan kemahiran diperlukan.

"Kalau nak berjaya, kita ikut jalan lurus, tekun, pandai mengawal diri dan berdisiplin, insya-Allah kita boleh berjaya. Jika kita menipu dan terlalu gopoh untuk kaya, kita akan lebih cepat binasa," katanya.

Dr Mahathir berkata, sikap adalah faktor penting untuk berjaya, malangnya ramai Bumiputera mempunyai sikap yang tidak betul, dengan mahu mencapai sesuatu itu dalam masa singkat dan dengan jalan mudah.

Beliau berkata, banyak cerita kejayaan dan kesungguhan yang boleh diteladani seperti kisah Datuk Azhar Mansor, Datin Paduka Sharifah Mazlina Syed Abdul Kadir serta Datuk Abdul Malek Mydin.

Dr Mahathir berkata, kerajaan sentiasa cuba mengubah cara berfikir khususnya Bumiputera bahawa mereka tiada kekurangan bukan saja berbanding kaum Cina dan India, malah dengan orang Jepun atau orang Barat.

Mengenai isu permit import (AP) kereta, Dr Mahathir berkata, beliau menganggap kontroversi mengenai ini belum selesai kerana persoalan mengapa terlalu banyak dikeluarkan untuk individu tertentu belum terjawab.

Katanya, cara pengeluaran AP yang terlalu berpihak kepada dua individu langsung tidak menggambarkan dasar membantu Bumiputera.

"Tanggapan bahawa jika tidak tipu tidak untung dalam bidang perniagaan, adalah salah"



Tun Dr Mahathir
Bekas Perdana Menteri

RASMI: Dr Mahathir melihat tapak tangannya selepas menekan lampu sebagai merasmikan seminar Success Mindset Transforming Impossible To Reality di Kuala Lumpur, semalam sambil diperhatikan Sharifah Mazlina.